



03 JUL, 2025

Pengguna GET 2025 ditawarkan pilihan tamat langganan



Berita Harian, Malaysia

Pengguna GET 2025 ditawarkan pilihan tamat langganan

Kuala Lumpur: Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) memaklumkan, pengguna Program Tarif Elektrik Hijau (GET) bagi 2025 ditawarkan pilihan menamatkan langganan sedia ada tanpa sebarang penalti sehingga 31 Ogos ini.

PETRA dalam kenyataannya, berkata tawaran itu dikemukakan selepas mengambil kira ketetapan baharu pelaksanaan GET bagi tahun ini yang mungkin membabitkan perubahan

struktur dan implikasi kos kepada pelanggan sedia ada.

Ini kerana, katanya, susulan jadual tarif elektrik baharu berkuat kuasa semalam, PETRA meneliti semula program GET sedia ada dan memutuskan pelaksanaannya diteruskan dengan prinsip asas ditetapkan sebelum ini dengan penyesuaian serta penambahbaikan sewajarnya.

“Kuantiti langganan GET oleh pengguna sebelum ini tidak dikenakan caj Ketidakseim-

bangkan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT) kekal dikecualikan daripada mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (AFA) yang menggantikan ICPT.

“Kadar premium GET sebelum ini ditetapkan berdasarkan kategori pengguna akan digabungkan menjadi ‘single tier pricing’ dengan penurunan kadar premium sehingga 80 peratus.

“Kadar premium baharu adalah 5 sen perkilowatt sejam (kWj)

bagi tempoh setahun, manakala 4 sen/kWj (dua tahun) dan 3 sen/kWj (tiga tahun),” katanya.

Program GET diperkenalkan sejak 2021 adalah inisiatif strategik kerajaan, menawarkan bekalan elektrik dijana daripada sumber tenaga boleh baharu (TBB) kepada pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang berhasrat mengurangkan jejak karbon.

Sejak diperkenalkan, GET secara kumulatif membekalkan 10,500 GWj tenaga elektrik hijau

kepada lebih 3,551 pengguna pelbagai kategori dan membantu memenuhi komitmen amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), terutama dalam aspek penghindaran pelepasan gas rumah kaca melalui penggunaan tenaga elektrik hijau.

PETRA berkata, program GET sedia ada ditambah baik dan diperkenalkan sebagai Program GET Greenpath yang akan dilaksanakan TNB dan mula dibuka untuk langganan mulai 1 Ogos ini.